

Newspaper	Berita Harian
Date	19/4/2013

© JUMAAT 19 APRIL 2013 BH

# Aku janji BN bela warga kota

BH-19/4/2013

» Manifesto garis 4 teras majukan Wilayah Persekutuan

Oleh Sophia Ahmad  
sophia\_ahmad@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Manifesto Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan bertema 'Janji Dikota' dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, malam tadi yang menggariskan empat teras menyasarkan segmen luas dan berbeza dari segi pendapatan, keperluan dan kehendak warga kota.

Manifesto itu akan memastikan tiada keperluan warga kota yang tertinggal dalam arus menggaris pembangunan menuju Wawasan 2020.

Teras pertama ialah Kesejahteraan Warga Kota dan Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar akan dilancar sebagai permulaan di Putrajaya dan seterusnya dilaksanakan di seluruh Kuala Lumpur.



Muhyiddin bergambar bersama calon selepas menyampaikan Manifesto BN Wilayah Persekutuan di ibu negara, semalam. [FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]



Teras kedua ialah Objektif Pembangunan Yang Mapan, termasuk merancang dan menerajui Pembangunan Kampung Baru menjadi kawasan warisan yang moden serta berdaya maju selaras dengan kehendak pemilik dan pewaris.

Tiada Warga Kota Yang Tertinggal adalah teras ketiga manifesto BN melalui keutamaan rumah kos rendah kepada pesara askar atau polis, meneruskan dan meluaskan prog-

ram sumbangan tunai kepada warga tua serta menambah pemberian dana kepada persatuan belia.

Teras terakhir Anjakan Ekonomi Warga Kota dengan menjana 600,000 pekerjaan oleh inisiatif Greater KL dan menyediakan sekurang-kurangnya 2,000 peluang penjaja tetap dan 10,000 peluang penjaja sementara.

Muhyiddin ketika berucap berkata BN sudah membuktikan keupayaan untuk bertindak dengan baik apabila tidak pernah meminggirkan pembangunan masyarakat

setempat walaupun di kawasan dimenangi pembangkang.

"Kita sudah berikan perkhidmatan yang jauh lebih baik dari parti pembangkang. Belum menag lagi kita dah beri khidmat, apa lagi kalau sudah terpilih sebagai wakil rakyat, tentulah lebih banyak kebaikan dan kebajikan yang akan kita buat.

"Walaupun pada (PRU-12) kita hanya memenangi tiga kerusi (di Wilayah Persekutuan), namun kalau ada masalah kita yang dulu datang," katanya.

## INTIPATI MANIFESTO BN WILAYAH PERSEKUTUAN

- Kesejahteraan warga kota diutamakan dengan memastikan peningkatan kualiti hidup.
- Objektif pembangunan menyeluruh berteraskan jangka masa panjang dan mapan.
- Tiada warga kota yang tertinggal dalam arus pembangunan.
- Anjakan warga kota diperjuangkan dalam memerangi fenomena kos sara hidup yang semakin meningkat.

### Manifesto

- Antara 20 bandar raya utama dunia yang paling sesuai dihuni 2020.
- Meningkatkan khidmat kutipan dan pemprosesan sisa pepejal.
- Memerangi jenayah dengan RM7 juta dana permulaan bagi skim keselamatan 1Wilayah Persekutuan.
- Parkir khas untuk wanita sebanyak tujuh peratus di semua bangunan komersial.
- Mengurangkan denggi.
- Menubuhkan Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar di Putrajaya dan seluruh Kuala Lumpur.
- Menyeragam kadar parkir untuk elak bayaran meter lalu mahal untuk warga kota.
- Menambah Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Pusat Transformasi Bandar dan Perpustakaan 1Malaysia.
- Menambah pengangkutan awam sebanyak

- 30 peratus.
- Pembaikan dan penyelenggaraan jalan raya yang bermasalah.
- Pembinaan laluan jalan kaki berbumbung, moden dan selesa dalam tempoh lima tahun akan datang.
- Membina 10,000 rumah mampu milik.
- Pembersihan dan pengindahan Sungai Klang dan Sungai Gombak di bawah Projek River Of Life.
- Merancang pembangunan Kampung Baru menjadi kawasan warisan yang moden dan berdaya maju selaras kehendak pemilik dan pewaris.
- Membantu pembeli Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam DBKL mendapat pinjaman perumahan.
- Lima tahun peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam.
- Memastikan penyelenggaraan lif Projek Perumahan Rakyat Perumahan Awam diutamakan.
- Penambahan pelaksanaan 22 terminal sejahtera yang memberi kemudahan pembelajaran sendiri untuk pelajar dari golongan berpendapatan rendah.
- Meneruskan dan meluaskan program sumbangan tunai kepada warga emas di samping menambah jumlah Kelab Warga Emas.

- Membina lebih banyak gelanggang futsal.
- Menambah pemberian dana kepada persatuan belia.
- Keutamaan rumah kos rendah dan kemudahan asas lain kepada OKU dan ibu tunggal.
- Keutamaan rumah kos rendah untuk pesara askar atau polis.
- Melaksana lebih banyak parkir motosikal berbumbung di kawasan strategik.
- Memperkasakan golongan muda dengan pelaksanaan Majlis Perwakilan Belia Bandar.
- Wujud 600,000 pekerjaan menerusi inisiatif Greater KL menjelang 2020.
- Meningkatkan pencapaian InvenstKL dengan sasaran 100 syarikat gergasi antarabangsa beroperasi di Kuala Lumpur.
- Menyedia 2,000 peluang penjaja tetap dan sekurang-kurangnya 10,000 peluang penjaja sementara.
- Melancarkan dasar dan menubuhkan Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan.
- Memperbanyak skim pinjaman mikro kredit kepada usahawan tulin melalui Yayasan Wilayah Persekutuan.
- Melaksanakan skim insurans untuk pemandu teksi Wilayah Persekutuan.
- Menambah 35,000 pokok setahun dalam tempoh lima tahun untuk penghijauan bandar raya Kuala Lumpur.